

# Usaha capai misi 2057 mesti mula sekarang

BH 26/6/2007



**Suara  
Orang Muda**

Bersama

**Noraini Ahmad**

E-mel: norainiputeri@yahoo.com

**S**ATU Rumah, Satu Profesional – satu wawasan kerajaan untuk setiap keluarga Melayu agar berupaya melahirkan sekurang-kurangnya seorang profesional, tidak kira doktor, peguam, arkitek atau apa juga bidang kerjaya profesional.

Dulu pun kita pernah dengar kempen 'Satu Graduan, Satu Keluarga'. Bunyinya mungkin berbeza tetapi maknanya tetap sama. Ia adalah manifestasi kepada kesungguhan kerajaan memastikan setiap keluarga terutama masyarakat luar bandar mempunyai sekurang-kurangnya seorang graduan, supaya dapat membantu mereka keluar daripada kepompong kemiskinan, sekali gus melahirkan lebih ramai insan cemerlang di bidang pendidikan.

Kempen berkenaan adalah satu daripada strategi kerajaan ke arah meningkatkan taraf hidup masyarakat Melayu di luar bandar dan untuk itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak baru-baru ini menyuarakan hasrat supaya setiap ibu bapa di kampung memastikan dan menggalakkan anak mereka mentelaah pelajaran sekurang-kurangnya tiga jam sehari.

Wawasan dan sasaran ini tidak harus dijadikan hak milik mutlak kerajaan atau pucuk kepimpinan semata-mata. Ia perlu dimiliki, dikongsi dan dilaksanakan bersama sebagai matlamat setiap keluarga dan setiap warga bergelar rakyat Malaysia. Di sini, kita, ibu bapa dan semua pihak memainkan peranan penting bagi memastikan pendidikan dan pembentukan sah-

siah diri setiap anak diadun sebaik mungkin, supaya menjadi modal insan berkualiti tinggi.

Apa salahnya kita jadikan ia sebagai ikrar dalam diri setiap kita sempena sambutan ulang tahun kemerdekaan ke-50 negara. Selepas 50 tahun, kita harus memperbaharui tekad, meningkatkan kesungguhan, menggandakan usaha dan berani melangkah lebih jauh, mencatat kejayaan lebih besar, kecemerlangan lebih bermakna, kegemilangan pada peringkat antarabangsa dan terbilang di persada dunia.

Hanya dengan tekad dan kesungguhan sebegini, insya-Allah kita mampu merealisasikan impian 2057 Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang mahu apabila negara meraikan 100 tahun kemerdekaannya pada 2057, rakyat dan bangsa Malaysia akan mencapai kejayaan yang tidak pernah difikirkan. Ini termasuk melahirkan pemenang Hadiah Nobel, syarikat yang benar-benar global, dihormati dan memasarkan jenama terkenal, mempunyai penyair dan artis diiktiraf dunia, memiliki paten saintifik terbesar di dunia.

Impian 2057 juga mensasarkan pelajar dan profesor negara ini mampu menguasai universiti terkemuka dunia, manakala universiti tempatan akan menjadi pusat kecemerlangan untuk cendekiawan antarabangsa. Kita sebenarnya sudah merintis hala tuju yang betul. Setakat ini, kita sudah menggariskan Pelan Strategik Pemasaran Antarabangsa Pengajian Tinggi 2006-2010 ke arah menjadikan Malaysia hab kecemerlangan pendidikan tinggi.

Misi pelan strategik itu antara lain bertujuan menghasilkan intelektual berdaya saing dan inovatif yang mampu memenuhi aspirasi nasional dan antarabangsa. Tentu sekali misi itu seiring untuk memperkuat institusi pengajian tinggi tempatan.

Pokok pangkalnya semua ini bertun-

jangkan ilmu, pendidikan dan jati diri yang tinggi. Kita hanya akan berupaya merintis kecemerlangan yang tidak pernah diimpikan dengan berpaksikan modal insan yang cemerlang. Kerajaan sudah menyediakan kemudahan dan prasarana secukupnya, untuk setiap anak Malaysia mendapatkan pendidikan sempurna hingga ke peringkat pengajian tinggi. Kini apa yang dituntut ialah komitmen sepenuhnya daripada seluruh anggota masyarakat, setiap ibu bapa, setiap keluarga dan anak-anak itu sendiri.

Kita sudah berjaya membuktikan keupayaan negara dalam banyak perkara tidak sekadar mendirikan menara berkembar Petronas yang menjadi mercu tanda negara, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), membuat kereta sendiri dan banyak lagi, malah juga kejayaan rakyat kita mengharumkan nama negara pada peringkat antarabangsa.

Nama seperti Datin Paduka Sharifah Mazlina Syed Abdul Kadir yang menawan Antartika, Datuk Azhar Mansor yang melakukan pelayaran solo mengelilingi dunia, Datuk Malek Mydin menyahut cabaran berenang di Selat Inggeris; M Magendra, N Mohandas, Muhammad Muqharabbin Mokhtarruddin dan Ahmad Redzuan Rozal menakluki puncak Everest. Kita juga ada Dr Faiz Khaleed dan Dr Sheikh Muszaphar Shukor yang bakal mencatat nama sebagai angkasawan pertama Malaysia, malah ramai lagi yang mengharumkan nama negara di pelbagai bidang termasuk sukan.

Apa yang dicapai individu yang kita sebut tadi sebenarnya tidak pernah kita impikan satu ketika dulu. Justeru impian Pak Lah untuk rakyat Malaysia mencapai kejayaan yang tidak pernah kita fikirkan dalam tempoh 50 tahun dari sekarang, bukan satu misi mustahil, tetapi satu amanah yang harus kita pikul dan jayakan

bersama-sama dengan berbekalkan kesungguhan, komitmen dan semangat 'Malaysia Boleh'.

Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan tahniah dan sokongan tidak berbelah bagi terhadap ketegasan Pak Lah dan timbalannya yang mahu kampus induk Universiti Malaya (UM) di Lembah Pantai, Kuala Lumpur, dikekalkan di tapak asalnya untuk selama-lamanya.

Tidak terbilang dengan jari jumlah profesional dan pemimpin negara yang lahir daripada UM. Ia mempunyai nilai sejarah tersendiri sebagai universiti tertua di Malaysia, yang sudah terlalu banyak jasanya kepada bangsa dan negara.

Keputusan itu adalah bukti ketegasan kerajaan yang tidak mahu sama sekali mengorbankan warisan ilmu negara hanya semata-mata kerana mahu memberi laluan kepada kepentingan komersial serta kepentingan individu atau syarikat tertentu. Tidak harus ada kompromi dalam soal mempertahankan sejarah warisan negara kerana nilainya jauh lebih tinggi berbanding projek mega bernilai berbilion-bilion ringgit.

Kita tidak mahu gara-gara memburu kepesatan pembangunan atau hanya kerana ada pihak mahu membina lebih pusat komersial dan projek bernilai tinggi, akhirnya kita terpaksa menggadaikan nilai sejarah dan kepentingan umum. Insya-Allah itu tidak mungkin akan berlaku selagi kerajaan bertanggungjawab seperti sekarang memegang tampuk pemerintahan negara.

Marilah sama-sama kita mendukung misi 2057 dengan memulakan langkah menjayakan kempen melahirkan bukan satu, malah lebih ramai cerdik pandai dan profesional dalam setiap keluarga.

**Penulis adalah Ketua Puteri Umno Malaysia.**

LEADERSHIP  
FOUNDATION  
PERANAN  
KEPIMPINAN  
PERANAN